

TP 1 : Menyatakan maksud dan kepentingan reka bentuk makanan.


A. Suai padankan jawapan yang betul tentang takrif reka bentuk makanan

Reka bentuk	Sesuatu bahan yang boleh dimakan dalam bentuk pepejal atau cecair dan dihasilkan daripada haiwan atau tumbuhan.
Makanan	Aktiviti merealisasikan idea kepada bentuk makanan yang melibatkan inovasi dan kreativiti.
Reka bentuk makanan	Pengetahuan tentang penghasilan idea secara terancang untuk menghasilkan sesuatu produk.

B. Taip jawapan yang betul di dalam ruangan jawapan berdasarkan klasifikasi reka bentuk makanan.



C. Tarik dan letak kepentingan reka bentuk makanan pada ruang jawapan dengan TEPAT.



Kepentingan reka bentuk makanan

Penerangan

		Reka bentuk makanan yang menarik yang telah diberi nilai tambah dan berpotensi tinggi untuk di pasaran.
		Perubahan cita rasa pengguna menyumbang kepada penghasilan pelbagai reka bentuk makanan
		Nilai inovatif dan kreatif menghasilkan reka bentuk makanan yang menarik tanpa menyentuh sensitiviti kaum dan agama
		Inovasi reka bentuk makanan membuka peluang perniagaan kepada pengusaha
		Kepelbagaian budaya menjadikan sumber idea menghasilkan reka bentuk makanan yang menarik seterusnya mempromosikan makanan tradisional mereka
		Perkembangan dan trend dunia reka bentuk makanan memberikan impak besar dan terciptalah pelbagai jenis mesin dan alat

TP 2 : Menerangkan kategori alat dan perkakasan dalam proses reka bentuk makanan

D. Tanda (✓) pada kategori alatan, pilih nama seterusnya tarik dan letak gambar alatan dengan TEPAT.



Penerangan Fungsi

Alatan

Gambar Alatan

☐ Alatan Memotong	☐ Alatan Membentuk & Mengukir	☐ Alatan Menghias
Digunakan membentuk doh, sayur-sayuran berubi dan juga buah-buahan. Mempunyai pelbagai bentuk dan saiz.	Nama alatan :	
Digunakan untuk mengukir buah-buahan dan sayur-sayuran. Berbentuk kecil, pendek dan melengkung serta mempunyai bentuk yang pelbagai.	Nama alatan :	
☐ Alatan Memotong	☐ Alatan Membentuk & Mengukir	☐ Alatan Menghias
Digunakan bersama meja pemutar kek untuk melepasi krim atau aising pada kek dengan meratakan permukaan dinding kek secara berputar.	Nama alatan :	
Digunakan bersama beg aising dengan kaedah memicit dan menghasilkan hiasan yang kreatif dan menarik pada kek.	Nama alatan :	
☐ Alatan Memotong	☐ Alatan Membentuk & Mengukir	☐ Alatan Menghias
Digunakan untuk memudahkan memotong bahan makanan yang lembut namun mempunyai permukaan kulit yang keras	Nama alatan :	
Digunakan memotong halus herba dan sayur-sayuran lain. Berbentuk melengkung seperti bulan sabit dan mempunyai dua pemegang.	Nama alatan :	
Pisau yang paling banyak digunakan kerana mempunyai fungsi yang pelbagai. Bentuk rata dan melengkung pada bahagian hujung matanya.	Nama alatan :	

E. Suai dan padankan nama dan fungsi perkakasan dalam mereka bentuk makanan dengan tepat.

Perkakasan	Nama	Fungsi
	Pengisar pelbagai guna	Digunakan untuk mengukus makanan dan jangka masa memasak lebih pendek.
	Pengukus elektrik	Digunakan untuk mengadun adunan roti dan boleh terus dibakar. Menjimatkan masa dan tenaga.
	Pengadun roti	Digunakan untuk membakar makanan. Lebih menjimatkan masa dan tenaga.
	Ketuhar gelombang mikro	Digunakan untuk mengisar pelbagai jenis makanan. Lebih menjimatkan masa dan tenaga.
	Mesin pengisar jus buah-buahan	Digunakan untuk memasak makanan yang pelbagai. Masa memasak menjadi lebih singkat.
	Ketuhar elektrik	Digunakan untuk membuat jus buah-buahan dan sayuran. Menjimatkan masa dan tenaga untuk menghasilkan jus.

Tahniah dan Syabas, anda telah melaksanakan PdPR RBT hari ini. Anda pelajar yang hebat dan terbaik walaupun kekal & belajar dari rumah.

[Tekan "FINISH" → (keluar kotak putih) TAIP NAMA & KELAS, tekan "SEND"]

